



SIARAN MEDIA CAJ PROSES PINDAH MILIK CUKAI TAKSIRAN

Bermula 1 Oktober 2020, MPS akan mengenakan caj proses pindah milik cukai taksiran (Borang I dan Borang J) sebanyak RM50.00 ketas penjual/ pembeli/ wakil pemilik harta.

Proses pindah milik bagi pegangan berkadar adalah berdasarkan Seksyen 160 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) 160, iaitu apabila sesuatu pegangan berkadar dalam sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan dijual atau dipindah milik, maka adalah menjadi kewajipan penjual atau pembeli membuat pindah milik dalam tempoh 3 bulan selepas jualan atau pindah milik, dan notis mengenainya harus diberikan kepada pihak berkuasa tempatan melalui Borang I (jual beli) atau Borang J (atas sebab kematian iaitu waris perlu membuat pindah milik dalam tempoh satu tahun selepas kematian).

Pemilik harta yang gagal berbuat demikian dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda sebanyak RM2,000.00 atau dipenjarakan tidak lebih dari enam bulan atau kedua-duanya sekali sekiranya tidak memaklumkan kepada MPS dalam tempoh tersebut.

Pemilik harta boleh mendapatkan Borang I atau Borang J di kaunter Jabatan Pengurusan dan Penilaian Harta (JPPH) MPS di Ibu Pejabat MPS, kaunter Pejabat Cawangan MPS atau dengan melayari www.mps.gov.my. Bagi proses pindah milik ini, dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

- Salinan kad pengenalan pemindah milik atau penerima pindah milik
- Salinan hak milik tanah atau perjanjian jual beli/ kontrak lelongan (1set)
- Salinan resit cukai taksiran terkini yang telah dijelaskan.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta ditalian 03-6126 5906/5907/5908 atau layari www.mps.gov.my.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh :
Mohamad Zin Bin Masoad
Pengarah Jabatan Korporat
Majlis Perbandaran Selayang

B.P Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

3 September 2020
12.20 pm